

Ucapan: 01/11/2017

Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti 2017 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

KETUA SETIAUSAHA NEGARA: Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku-Sehati Sejiwa

Yang Berbahagia Datuk Sabin Bin Samitah

Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM

Yang Berusaha Timbalan- timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM

Yang Berusaha Pegawai-pegawai Kanan LHDNM,

Rakan-rakan media,

Tuan-tuan dan puan-puan

Hasil yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah kurnia dan izin-Nya, hari ini kita berhimpun dalam satu **Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti 2017, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**
2. Terlebih dahulu setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Sabin Bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, dan semua Pengurusan Tertinggi atas kesudian menjemput saya menyempurnakan majlis pada petang ini.

3. Untuk makluman, ini adalah kali pertama saya berada di Menara Hasil Cyberjaya bersama-sama warga Hasil sekalian dalam majlis seperti pada hari ini.
4. Sesungguhnya majlis ini cukup signifikan dalam menghargai idea inovasi baharu dan dengan kombinasi bersama elemen integriti, ia merupakan spektrum sempurna meletakkan **LHDNM sebuah organisasi inovatif**. Tahniah dan syabas diucapkan.

Para Hadirin sekalian,

NEGARA BERADA DI KEDUDUKAN KUKUH

5. Kerajaan dibawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, telah berjaya meletakkan negara di landasan yang betul. Hakikatnya, ekonomi negara tumbuh pada kadar **5.7% pada separuh pertama tahun ini, berbanding 4.2% pada tahun 2016**.
6. Pricewater HouseCoopers mensasarkan negara menjadi kuasa ekonomi dunia ke-25 dengan KDNK 1.5 trilion dollar Amerika menjelang tahun 2030. **Bank Dunia** juga telah meningkatkan unjuran **kadar pertumbuhan ekonomi negara** pada tahun ini ke **5.2% berbanding 4.9% sebelum ini**. Kementerian Kewangan **mengunjurkan pertumbuhan ekonomi negara tahun ini antara 5.2% hingga 5.7%**.
7. Hari ini, pihak Kerajaan telah berkeupayaan bergerak membina rangkaian, memudahcara perkhidmatan, melestarikan pertumbuhan serta memfokuskan keberhasilan bagi tujuan membentuk perpaduan dan keharmonian dan kemuncaknya Malaysia sebagai **High Income Advanced Economy** pada tahun 2020 tidak lama lagi.

8. Pastinya pencapaian ini diraih bersama-sama dengan kejayaan pelaksanaan **Dasar Transformasi Nasional** yang merangkumi **ETP dan GTP**, dan **Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11)**, di mana **tumpuan kepada penyampaian outcome berimpak tinggi** berteraskan **ekonomi modal, (*capital economy*)** dan **ekonomi keperluan rakyat (*people economy*)** dengan kos yang berpatutan melalui inovasi dan produktiviti.
9. YAB Perdana Menteri telah melakar satu kanvas jangka panjang dikenali **Transformasi Nasional 2050 atau TN50**, sebagai satu inisiatif menggungguli sebuah negara bangsa yang berwibawa, sekaligus menjadikan Malaysia antara 20 buah negara maju menjelang tahun 2050.
10. Semua lapisan rakyat Malaysia boleh **memberi idea membantu kepimpinan negara** dalam menetapkan hala tuju Malaysia untuk tempoh tiga dekad akan datang. Rasional di sebalik TN50 adalah negara perlu bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran seperti *Fourth Industrial Revolution* dan yang lain-lain untuk kekal berdaya saing di persada dunia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PERANAN LHDNM DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

11. **LHDNM merupakan sebuah agensi penting** dalam sistem perkhidmatan awam negara. Ia merupakan agensi utama yang **menyumbang hampir separuh daripada hasil pendapatan negara** menerusi kutipan cukai pendapatan. Justeru itu, **LHDNM mempunyai peranan dalam merealisasikan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi.**
12. Sesungguhnya kutipan cukai merupakan salah satu fungsi perkhidmatan awam yang telah lama dilaksanakan. Dalam berhadapan dengan perubahan pesat sistem ekonomi dan kewangan, dimana ***business model* berasaskan ‘bricks and mortar’** beralih kepada **“digital and sharing economy”**, pentadbiran percukaian negara perlu sentiasa

mencetus idea-idea kreatif dan inovatif bagi memastikan tahap kecekapan, ketelusan dan keberkesanan sistem penyampaianya meningkat dan akhirnya berupaya melonjak kutipan cukai negara.

13. LHDNM perlu mempertingkatkan produktiviti dengan aplikasi teknologi terkini dalam sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada kepada rakyat. Sesungguhnya, pelbagai inovasi telah pun diterokai oleh saudara-saudari selama ini. **Proses taksiran sendiri cukai pendapatan menerusi E-filing bukan sahaja memudahkan urusan masyarakat dalam melaporkan cukai**, malah dengan adanya elemen *confidentiality, integrity dan availability of data*, ia telah membawa keberhasilan positif dengan jumlah peningkatan kutipan cukai dan kadar pematuhan cukai saban tahun.
14. Terkini, **LHDNM turut tersenarai tiga terbaik dalam Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) menerusi Aplikasi BRIM di bawah Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT) anjuran MAMPU** dan sama-samalah kita mendoakan kejayaan LHDNM. Saya juga berharap **Pengiktirafan 5 Bintang Bagi Indeks Penarafan Bintang (SSR) Agensi Sektor Awam yang telah diperolehi bagi tahun 2016 dapat dikekalkan**.
15. Justeru itu, langkah-langkah transformasi percukaian yang melibatkan elemen inovasi dan penambahbaikan dari sudut dasar percukaian, sistem dan pentadbiran cukai perlu senantiasa dipergiatkan bagi memastikan **kelestarian LHDNM sebagai pentadbir cukai terunggul di masa hadapan akan sentiasa terpelihara**.
16. Malah, **semua Hasilian perlu sentiasa bersiapsiagakerana** espektasi pemimpin dan rakyat hari ini adalah semakin tinggi dan berbeza.
17. Mereka bukan hanya semakin berpengetahuan malah cabarannya semakin sukar dengan dunia kontemporari hari ini, yang telah merubah ke arah kebestarian kehidupan menuju Revolusi Perindustrian Keempat dan Ekonomi Digital.

18. Dalam perkara ini, saya ingin menyeru semua warga LHDNM untuk **memahami sepenuhnya dasar-dasar Kerajaan** yang diperkenalkan bertujuan **memperjelaskan kepada rakyat** rasional di sebalik dasar-dasar tersebut. Sebagai contoh GST. **Rakyat mungkin terpengaruh dengan tohmahan daripada pihak yang tidak bertanggungjawab** mengenai GST. Sekiranya sebuah agensi seperti **LHDNM turut membantu dalam memperjelaskan mengenai keperluan GST**, maka ia dapat membantu Kerajaan menangani persepsi negatif mengenai GST.

NBOS ATAU STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN

Hadirin sekalian,

19. Menyebut mengenai kreativiti dan inovasi, **NBOS atau Strategi Lautan Biru Kebangsaan** merupakan **salah satu teras dalam Dasar Transformasi Nasional**. Lebih daripada 130 program telah dilaksanakan sejak ia dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak pada tahun 2009. NBOS berpaksikan kepada penyampaian perkhidmatan atau program kerajaan kepada rakyat secara **kos rendah, berimpak tinggi dan pantas**. Ia melibatkan jalinan kerjasama yang **memecahkan benteng** diantara antara **kementerian, jabatan dan agensi menerusi perkongsian sumber**.

20. Alhamdulillah, saya perhatikan **LHDNM turut mengamalkan NBOS menerusi kerjasama strategik dengan pelbagai agensi** seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Peguam Negara, Bank Negara, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan lain-lain agensi awam dari aspek perkongsian maklumat, sistem, kemahiran dan pelbagai lagi.

21. Kerjasama sebegini amat perlu dalam persekitaran perkhidmatan awam hari ini yang bersifat dinamik. Ia memerlukan seluruh **Hasilian** menampilkan **idea unik dan kreatif dengan pendekatan bersepadu, bagi memastikan masyarakat tampil melaksanakan tanggungjawab melapor cukai dan membayar cukai yang sepatutnya.**

22. Malah, **pembukaan kaunter LHDNM di Urban Transformation Centre (UTC)** yang sehingga kini terdapat 18 buah UTC seluruh Malaysia, dilihat satu '*smart approach*' dalam memastikan penyelesaian serta kesejahteraan kepada rakyat.

Hasilian sekalian,

MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM

23. Saya telah memperkenalkan konsep **Merakyatkan Perkhidmatan Awam** dalam sektor awam supaya penjawat awam dapat menjiwai ekspektasi dan permintaan rakyat dalam menyampaikan perkhidmatan awam.

24. Saudara-saudari bertanggungjawab memberi **perkhidmatan terbaik kepada rakyat** dan turut berhak menerima perkhidmatan terbaik daripada rakan penjawat awam yang lain. Ia juga sejajar dengan gagasan **Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan oleh YAB Perdana Menteri kita**

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM SECARA BERINTEGRITI

25. Saya telah dimaklumkan di LHDNM ini, di Ibu Pejabat, Pejabat Pengarah Negeri serta cawangan seliaan mempunyai **Pegawai Integritinya** sendiri yang dikenali sebagai **Integrity Care Officer (ICO)**.

26. **Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan)** bertindak selaku **Ketua Pegawai Integriti** serta **Pelan Integriti Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (PIL2.0)**.

27. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada **LHDNM**, kerana menjadi **organisasi pertama yang menandatangani Ikrar Bebas Rasuah**.
28. Kesemua usaha integriti ini telah membantu **kejayaan memungut cukai langsung yang tinggi dari tahun ke tahun, yang dimiliki oleh organisasi ini**.
29. Justeru, saya menyeru kepada semua **Hasilian bersatu hati bersama-sama saya untuk tidak sesekali berkompromi dengan tindakan penyelewengan oleh mereka yang telah disiasat dan didapati bersalah**.
30. Integriti juga berhubungkait dengan **kesetiaan kita kepada pemimpin kita serta organisasi**. Ini selaras dengan prinsip wala' yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri sebagai antara Tunjang Perkhidmatan Awam.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

31. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada jawatankuasa penganjur Hari Inovasi dan Integriti LHDNM 2017.
32. Kepada warga Hasil yang menyertai Pertandingan Hari Inovasi dan Integriti LHDNM kali ini, penglibatan Tuan-tuan dan Puan-puan dalam membudayakan inovasi sewajarnya dipuji kerana ia berupaya memberi impak yang besar kepada pembangunan dan kemajuan negara.
33. Akhir kata, saya berharap semua **warga Hasil akan terus menjunjung tinggi amanah dan tanggungjawab atas tugas yang telah diberikan dan menyeru agar LHDNM sentiasa komited memberikan sokongan kepada setiap warganya dalam mengekspresi inovasi dan menjayakan agenda integriti negara**.

34. Pasti**nya LHDNM akan berada di puncak menerusi inovasi yang menjurus kepada keberhasilan, tetapi pada masa yang sama LHDNM di persada apabila integriti diperkasakan. Mudah-mudahan AspirasiMalaysia untuk menjadi negara maju Par Excellence Duniawi dan Par Excellence Ukhrawi akan menjadi kenyataan. InsyaAllah.**
35. **Dengan kata-kata itu, saya dengan lafaz Bismilahirahmanirahim dengan sukacitanya merasmikan Hari Inovasi dan Integriti 2017, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatulahi
Wabarakatuh.

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my/newsroom/content/speech/19164/Majlis-Sambutan-Hari-Inovasi-dan-Integriti-2017-Lembaga-Hasil-Dalam-Negeri-Malaysia>